



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

26 November 2024

## KENYATAAN MEDIA PAC BERHUBUNG

### LAPORAN PENGURUSAN MARA INCORPORATED SDN. BHD. (MARA Inc) DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati MARA Inc telah melakukan pembelian harta tanah yang terlebih nilai di London, United Kingdom iaitu Beaumont House pada tahun 2014 dan di Melbourne, Australia iaitu Dudley International House, 51 Queen Street dan 333 Exhibition Street pada tahun 2013.
2. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan (MOF) tidak meluluskan pembelian ini namun KKDW telah merayu dan perkara ini telah dibawa kepada Majlis Ekonomi, yang kemudiannya memberi kelulusan pada tahun 2013. Kes pembelian harta tanah terlebih nilai di Melbourne, Australia telah disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan kini, masih dalam perbicaraan mahkamah.
3. Perkara berkenaan merupakan antara penemuan PAC yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari ini.
4. Sehubungan itu, bagi memastikan perkara ini tidak lagi berlaku, PAC mengesyorkan KKDW, Majlis Amanah Rakyat (MARA), MARA Corporation Sdn. Bhd. (MARA Corp) dan MARA Inc perlu memastikan cadangan pelaburan sama ada dalam dan luar negara termasuk pemerolehan aset

yang bernilai tinggi seperti harta tanah mematuhi dasar terkini Kerajaan dengan memberi keutamaan dalam pelaburan domestik. Cadangan tersebut perlu mendapat kelulusan MOF terlebih dahulu dan keputusan MOF perlu dipatuhi bagi mengelakkan skandal pembelian harta tanah tidak berulang.

5. Penemuan dan syor PAC berhubung Pengurusan MARA Inc adalah hasil daripada 3 prosiding yang telah diadakan pada 30 Julai 2024, 31 Julai 2024 dan 19 September 2024. Saksi yang telah hadir memberi keterangan dan penjelasan adalah seperti berikut:
  - i. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat);
  - ii. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha KKDW;
  - iii. Dato' Sri Azhar bin Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA;
  - iv. Dato' Amir Azhar bin Ibrahim, Pengarah Perancangan Korporat Kumpulan MARA Corp; dan
  - v. Tuan Ts. Mohd Fadzil bin Mohd Idris, Ketua Pegawai Eksekutif MARA Inc.
6. Selain daripada itu, PAC juga berpandangan tindakan MARA Inc memohon penukaran hutang sedia ada Premiera Hotel kepada ekuiti buat kali kedua selepas kali pertama pada tahun 2015 adalah satu langkah yang seharusnya tidak berulang.
7. Justeru, PAC mengesyorkan KKDW, MARA, MARA Corp dan MARA Inc perlu memastikan Premiera Hotel mempunyai perancangan yang jelas untuk memastikan penukaran hutang kepada ekuiti dapat membantu memberi pulangan ke arah kelestarian syarikat.

8. Dalam laporan ini juga, PAC turut mengesyorkan perkara untuk dilaksanakan seperti berikut:
  - i. KKDW, MARA dan MARA Inc perlu memastikan semua projek pembangunan termasuk pembangunan harta tanah dan projek tenaga boleh baharu serta pelan pemasaran disiapkan mengikut masa, kos, kualiti dan peruntukan yang telah ditetapkan agar dapat menjana keuntungan bersih yang tinggi;
  - ii. MARA Corp perlu tegas dalam mengawal selia semua anak syarikatnya supaya dapat menjana keuntungan dan mampu membayar balik hutang dan membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan;
  - iii. MARA Inc perlu menyediakan Pelan Operasi Standard (SOP) penyewaan harta tanah yang lengkap supaya isu tunggakan sewa tidak berlaku dan tidak menjadi hutang lapuk; dan
  - iv. MARA Inc hendaklah menggubal satu polisi yang lengkap dan jelas berhubung penilaian harta tanah.
9. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan MARA Inc di bawah KKDW boleh memuat turun laporan ini di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**